

Warga UMS jayakan Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit

NST 26.4.2017 5

KOTA KINABALU: Lebih 2,000 warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjayakan Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit yang dianjurkan Perpustakaan UMS, di sini, semalam.

Ketua Pustakawan UMS, Dg. Rukiah Ag. Amit berkata, program tersebut bagi menyahut

program tahunan anjuran Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM) yang dijalankan serentak di seluruh negara.

“Objektif penganjuran ini adalah sebagai satu usaha ke arah membudayakan inisiatif membaca dengan tujuan menjadikan perpustakaan sebuah organisasi yang relevan dalam pendidikan.

“Di samping itu, ia bagi mewujudkan sinergi yang cekap antara perpustakaan seluruh Malaysia dengan pihak Jabatan Pelajaran serta jabatan dan agensi lain pada peringkat negeri dan nasional dalam merangka proses pembelajaran sepanjang hayat yang holistik,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada program tersebut di Ruang Bacaan, Aras 1, Perpustakaan UMS.

Menurut Dg. Rukiah, penganjuran program itu juga sekali gus mampu melahirkan generasi yang mencintai ilmu, berakhlak mulia, mentaati agama dan berkemahiran tinggi.

“Kemantapan ilmu, melalui amalan membaca merupakan nadi dan pemangkin kepada kecemerlangan sesebuah universiti.

“Justeru, program ini merupakan salah satu mekanisme untuk mencapai misi universiti ke arah kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu dan mencapai pengiktirafan antarabangsa,” tambahnya sambil menambah program itu juga dijalankan serentak di UMS Kampus Antarabangsa Labuan dan Kampus Cawangan Sandakan.

Lafaz perasmian Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit itu disempurnakan Dekan Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) UMS, Prof. Dr. Baba Musta mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah.

Turut mengambil bahagian pada program itu ialah anak-anak kakitangan UMS dari Pusat Minda Lestari universiti tersebut.



JAYAKAN ... Antara kakitangan yang mengambil bahagian. Turut kelihatan Dg. Rukiah (enam dari kiri) dan Dr. Baba (lima dari kanan).